

# Sempena Keputeraan Sultan Selangor Ke-67 Ketua Hakim Negara ketuai penerima darjah

**SHAH ALAM** 10 Dis. - Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria mengetuai senarai 98 penerima darjah dan bintang kebesaran sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang ke-67 esok.

Sultan Sharafuddin dijadual berkenan mengurniakan darjah kebesaran dan pingat tersebut dalam istiadat pengurniaan dan bintang kebesaran negeri Selangor di Istana Alam Shah, Kelang dekat sini esok.

Arifin dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datuk Seri. Turut dikurniakan darjah kelas pertama itu ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Bagi darjah kelas pertama, Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) yang membawa gelaran Datuk Setia pula hanya menyaksikan seorang penerima iaitu Ahli Dewan Diraja Selangor, Datuk Ramli Mahmud yang juga bekas Setiausaha Kerajaan (SUK) negeri.

Sultan Sharafuddin juga berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS), darjah kelas kedua yang membawa gelaran Datuk bagi ahli lelaki dan Datin Paduka bagi ahli membabitkan 15 penerima iaitu Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Panglima Zulkifli Zainal Abidin; Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad dan Hakim Mahkamah Rayuan, Mah Weng Kwai.

Turut menerima darjah kebesaran tersebut, Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Seri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar; Panglima Armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Madya Datuk Abd. Hadi A. Rashid; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SP Setia Group Bhd, Tan Sri Liew Kee Sin; Pengarah Kastam Diraja Malaysia Negeri Selangor, Datuk Azis Yacub; Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Fatimah Mohamed



ARIFIN ZAKARIA



ZULKIFELI MOHD. ZIN



SAHOL HAMID

Arshad; Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan negeri Selangor, Yusoff Ayob; Pakar Perunding Kanan Ortopedik dan Ketua Jabatan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Kelang, Dr. M. Thirumal; Pakar Perunding Kanan Nefrologi HTAR, Dr. Tan Chwee Choon; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat, Datuk Hassan Mohd. Amin; Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Ali Mohammed; Pengarah Jabatan Tanah dan Galian, Datuk Kamarulzaman Jamil dan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah/Tanah Gombak, Nor Hisham Ahmad Dahlan.

Seramai 14 penerima pula dikurniakan Darjah Kebesaran Datuk - Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) yang membawa gelaran Datuk dan Datin Paduka iaitu Tengku Seri Paduka Shah Bandar, Tengku Ardy Esfandiari Tengku Abdul Hamid Shah; kerabat Diraja Selangor yang juga pakar perunding perubatan pemulihan Hospital Gleneagles, Dr. Tunku Nor Taayah Tunku Zubir; Pengarah Urusan Kuzie Catering Sdn. Bhd., Raja Roslay Raja Mazlan; Pelukis Diraja Selangor, Azaman Yusoff; Timbalan Asisten Ketua Staf J7 Markas Angkatan Bersama, Kementerian Pertahanan, Laksamana Pertama Azhari Abd. Rashid; Profesor UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew; Ahli Jawatankuasa Fatwa Selangor, Abdul Aziz Andik Achok; Naib Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Datuk Hamidin Mohd. Amin; Yang Dipertua Persatuan Pembangunan Kampung Baru, Kuala Lumpur, Dr. Mohd Yusoff Ismail; Perunding Pembeda-

han Kardiorasik, Pusat Pakar Universiti Malaya, Dr. Aljafri Tan Sri Dr. Abdul Majid; peguam yang juga pentadbir harta pusaka Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Muhammad Adam @ Edward Abdullah; Pengurus Rekabentuk Produk dan Pemasaran Malaysia Airlines System, Badaruddin Jilil Tan Sri Mohd Azmi; Pengerusi Persatuan Eng Choon Selangor, Lee Peng Hock yang juga penyumbang kebajikan Yayasan Raja Muda Selangor dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif, Axis REIT Managers Bhd, George Stewart La-Brooy.

Sementara itu, 13 penerima yang diketuai oleh Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk A. Thaveegan dikurniakan darjah kebesaran Setia Mahkota Selangor (SMS).

Turut menerima darjah tersebut ialah Kolonel Pergigian Markas Medan Tentera Darat, Kolonel Dr. Normah Samsuri, Pengarah Hidrografi Pusat Hidrografi Nasional, Kapten Hanafiah Hassan; Ketua Unit Pendakwaan Negeri Selangor, Mohd. Azari Harun; Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Dr. Abdul Latif Borhan.

Seramai 16 lagi dikurniakan Darjah Kebesaran Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS), 15 menerima Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (AMS) dan 15 lagi menerima Darjah Kebesaran Ahli Sultan Sharafuddin Idris Shah (AIS)

Sementara itu, tujuh penjawat awam pula dikurniakan Bintang Perkhidmatan Cemerlang (BPC).